



Pilih perkataan imbuhan apitan yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

1. Perbuatan penduduk yang membuang sampah ke dalam sungai telah (**pencemaran** / **mencemarkan**) alam sekitar.
2. Ketua kampung tidak mahu (**mencampuri** / **mencampurkan**) masalah keluarga tersebut.
3. Orang ramai (**dinasihati** / **menasihati**) agar sentiasa menjaga kebersihan diri dan persekitaran.
4. Pak Cik Kadir pergi ke Singapura untuk (**kedalaman** / **mendalami**) ilmu perniagaan.
5. Kerajaan sentiasa berusaha untuk (**peperangan** / **memerangi**) masalah penyalahgunaan dadah.
6. Khalida telah mendapat (**dibenarkan** / **kebenaran**) daripada ibunya untuk menyertai perlumbaan lari itu.
7. Kerajaan sentiasa membuat (**pembaharuan** / **membaharui**) dalam sistem pendidikan.
8. Peristiwa (**pergaduhan** / **kegaduhan**) itu telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa.
9. Beberapa orang murid dimasukkan ke hospital kerana (**meracuni** / **keracunan**) makanan.
10. Kami sangat (**menghargai** / **menghargakan**) segala bantuan yang diberikan oleh orang ramai.

LATIHAN IMBUHAN APITAN



LATIHAN 2

Isi tempat kosong dengan perkataan berimbuhan apitan yang paling sesuai.

mengharungi	perletakan	dilayangkan	mengeposkan	melakonkan
kesusahan	pembinaan	dikhuatiri	menggambarkan	dilarikan

1. Tania _____ kejadian yang menyimpannya itu melalui sebuah lukisan.
2. Beg tangan Puan Suraya telah _____ oleh seorang lelaki di pasar raya itu.
3. Rancangan _____ jambatan itu terpaksa dibatalkan kerana menghadapi pelbagai halangan.
4. Tebing bukit itu _____ akan runtuh jika hujan turun dengan lebatnya.
5. Pengurus syarikat itu telah menghantar surat _____ jawatannya semalam.
6. Lelaki itu diberi penghormatan untuk _____ watak Sultan Bolkihah dalam filem tersebut.
7. Pemain itu _____ kad kuning kerana menjatuhkan pemain pihak lawan.
8. Alina pergi ke pejabat pos untuk _____ kad-kad undangan kepada kawan-kawannya.
9. _____ yang dihadapi oleh keluarga itu mendapat perhatian daripada pihak kerajaan.
10. Pemuda itu sanggup _____ pelbagai cabaran untuk mencapai cita-citanya.